

Bah

SABAH DALAM MALAYSIA MUKTAMAD

Mahathir - Pungutan suara

KOTA BELUD, 12 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa keputusan rakyat Sabah untuk merdeka dalam Malaysia tahun 1963 adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan lagi.

Beliau berkata rakyat di Sabah hendaklah bewaspada dan tidak terpedaya oleh hasutan sesetengah orang yang mempunyai maksud tertentu untuk kepentingan sendiri.

Datuk Seri Dr Mahathir berharap rakyat menyedari apa sebetulnya niat jahat yang tersembunyi di sebalik dakyah itu.

Ketika berucap pada perjumpaan dengan rakyat di Padang Bandaran Kota Belud di sini, beliau berkata rakyat Sabah dan Sarawak telah dengan tegas, dalam pungutan suara tahun 1963, memilih untuk +timbul atau tenggelam+ bersama Malaysia.

Perlembagaan menjamin keutuhan Malaysia dan setiap usaha untuk menjejaskan keutuhan itu akan diambil tindakan sesuai dengan undang-undang, tambah beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir, berkata tindakan undang-undang diambil ke atas semua yang bersalah, tanpa pilih kasih.

+Jadi kalau mereka yang melanggar Perlembagaan dan undang-undang negara, jangan salahkan Kerajaan nanti jika tindakan undang-undang diambil ke atas mereka+, kata beliau. -- Lagi.

▼12/09/17-40MST

U CB 12-09 00202 BA886

Bah

Mahathir - Pungutan suara 2 Kota Belud

Perdana Menteri berkata, Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) menggariskan dengan jelas bidang kuasa dan peraturan penggunaannya dan ia digunakan hanya dalam keadaan tertentu jika keselamatan negara terancam.

Beliau berkata, ISA juga pernah digunakan terhadap pemimpin politik dan kerajaan yang berkuasa, apabila mereka membuat kesalahan yang boleh menjejaskan keselamatan negara.

+ISA bukan hanya digunakan terhadap pembangkang seperti yang didakwa. Ia juga pernah digunakan terhadap Timbalan Menteri, malahan juga pemimpin yang kemudian menjadi anggota kabinet, seperti Saudara Anwar Ibrahim (kini Menteri Kewangan),+ katanya.

Pada persidangan akhbar selepas itu, Datuk Seri Dr Mahathir juga memberi amaran bahawa sikap lembut Kerajaan Pusat terhadap dakyah, tohmah dan fitnah yang disebarkan oleh sesetengah orang untuk menghasut rakyat di Sabah supaya membenci Kerajaan Pusat, bukan bererti Kerajaan lemah.

+Kita boleh bertindak tegas, menurut undang-undang. Tetapi kita tidak mahu menggunakan kuasa jika sikap lembut boleh menyedarkan mereka+, katanya.

Beliau menyatakan, hasutan anti Kerajaan Pusat dan anti-Malaysia itu tidak boleh dibiarkan terus berleluasa.

+Jika ia berterusan, kita akan mengambil tindakan tegas sebelum keadaannya menjadi besar kerana hasutan itu sebenarnya bibit perpecahan yang boleh membahayakan negara+, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, benih perpecahan itu hanya wujud di kalangan ahli-ahli politik di Sabah yang inginkan kekuasaan tanpa pengawasan daripada Kerajaan Pusat.

+Mereka merasa terkongkong dan tidak dapat berbuat sesuka hati. Dengan menimbulkan kebencian di hati rakyat mereka fikir boleh berkuasa dan terlepas daripada pengawasan Kerajaan Pusat+, katanya.

Perdana Menteri juga berkata, keadaan seperti itu tidak boleh dibiarkan dan kerajaan akan memberi penerangan yang betul kepada rakyat di Sabah supaya mereka sedar dan faham keadaan yang sebenarnya. -- Bernama.